International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)
www.ijlgc.com

BAHASA ASING DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SABAH

FOREIGN LANGUAGES IN SABAH'S SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT

Mohd Nor Azan Abdullah[1], Philiadiran Philip[2*], Saifulazry Mokhtar[3*]

[1] Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: azan@ums.edu.my
[2] Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: philiadiranp@gmail.com
[3] Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
[*] Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 18.06.2025
Revised date: 07.07.2025
Accepted date: 18.08.2025
Published date: 11.09.2025

To cite this document:

Abdullah, M. N. A., Philip, P., & Mokhtar, S. (2025). Bahasa Asing Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication, 10* (41), 364-384.

DOI: 10.35631/IJLGC.1041024

This work is licensed under CC BY 4.0

Abstrak:

Bahasa Asing adalah bahasa yang bukan merupakan bahasa ibunda. Kemahiran berbahasa asing semakin penting di Malaysia khususnya dan negeri Sabah amnya. Oleh yang demikian, banyak institusi-institusi yang menawarkan pengajian bahasa asing sama ada secara opsyen mahu secara pilihan mata pelajaran. Institusi pendidikan tinggi tidak terkecuali dalam penawaran bahasa asing. Pengkaji telah memilih pelajar-pelajar bahasa asing di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai responden penelitian yang mewakili masyarakat di Sabah. Pengajaran bahasa asing bukan sahaja memberikan peluang pelajar mengetahui pelbagai bahasa malah ianya dapat meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa seterusnya menyediakan peluang pekerjaan yang bersifat international. Permasalahan kajian merujuk kepada kurangnya kefahaman kepentingan menguasai kemahiran berbahasa asing. Objektif kajian menjurus kepada kepentingan penguasaan bahasa asing akan dapat membantu masyarakat meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penglibatan secara meluas dalam aktiviti ekonomi yang akan mengurangkan risiko kemiskinan. Kepentingan pasaran kerja sosio-ekonomi dapat menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang perhotelan, homestay, diplomatik, melanjutkan pelajaran, membuat penyelidikan malah memberi ruang untuk mengetahui budaya asing serta menambah keyakinan diri seseorang dalam berkomunikasi mahupun sebagai seorang pekerja yang cekap berkemahiran bahasa asing. Kajian ini menggunakan kaedah kajian campuran (*mix method*) iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif bersifat kajian kepustakaan dengan merujuk sumber-sumber ilmiah berkaitan seperti artikel-artikel jurnal, buku-buku dan dokumentasi-dokumentasi berkaitan. Selain itu, penyelidik juga menjalankan temu bual terhadap beberapa informan terpilih dalam penyelidikan. Kaedah kuantitatif pula, melibatkan pengedaran borang soal

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

selidik kepada responden penyelidikan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Kajian ini membolehkan pembaca memahami kepentingan pemerolehan kemahiran bahasa asing dalam pembangunan sosio-ekonomi di Sabah.

Kata Kunci:

Bahasa Asing, Pembangunan Sosio-Ekonomi, Sabah

Abstract:

A foreign language is a language that is not a mother tongue. Foreign language skills are becoming increasingly important in Malaysia and the state of Sabah in general. Therefore, many institutions that offer foreign language studies either optionally or by choice of subjects. Higher education institutions are no exception in offering foreign languages. The researchers selected foreign language students at University Malaysia Sabah (UMS) as the survey respondents representing the community in Sabah. Teaching foreign languages not only provides students with the opportunity to learn different languages but it can also improve their multilingual skills and thus provide international job opportunities. The problem of the study refers to the lack of understanding of the importance of mastering foreign language skills. The objective of the study is to focus on the importance of foreign language proficiency and will be able to help the community improve their socio-economic level through extensive involvement in economic activities that will reduce the risk of poverty. The importance of the socio-economic job market can provide employment opportunities in the fields of hospitality, homestay, diplomacy, further education, research and even provide space to learn about foreign cultures as well as increase one's self-confidence in communication and as an efficient worker with foreign language skills. This study used a mixed method study, namely qualitative methods and quantitative methods. The qualitative method is literature review by referring to relevant scientific sources such as journal articles, books and related documentation. In addition, the researcher also conducted interviews with several selected informants in the investigation. The quantitative method, on the other hand, involves distributing questionnaire forms to research respondents to obtain the necessary data. This study allows readers to understand the importance of acquiring foreign language skills in socio-economic development in Sabah.

Keywords:

Foreign Language, Sabah, Socio-Economic Development

Pendahuluan

Dalam era globalisasi dan langit terbuka, penguasaan bahasa asing semakin menjadi keperluan penting, khususnya di Malaysia. Institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut memainkan peranan signifikan dalam menyediakan kursus bahasa asing bagi meningkatkan kecekapan pelajar serta memperkukuh peluang kerjaya yang memerlukan kemahiran tersebut (Mohamad & Ismail, 2019). Justeru itu, penekanan terhadap pembelajaran bahasa asing memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar dan tenaga pengajar, malah menyumbang kepada pembangunan negara, terutamanya dalam konteks keperluan sumber tenaga kerja berkemahiran bahasa asing di negeri Sabah (Noor & Harun, 2022). Pemahaman terhadap kepentingan dan cabaran dalam pembelajaran bahasa asing amat penting. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan tersebut serta memberikan pendedahan kepada

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

pelajar dan institusi tentang peranan bahasa asing dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya di Sabah (Ministry of Higher Education Malaysia, 2021).

Selain itu, penyediaan sumber pembelajaran yang mencukupi seperti bahan rujukan, alat digital, dan perisian interaktif akan meningkatkan keberkesanan penguasaan bahasa. Pelajar yang mempunyai akses kepada kemudahan ini berupaya membangunkan kemahiran komunikasi dan penulisan secara autodidaktik (Krashen, 1985). Kemudahan pembelajaran yang kondusif turut menyumbang kepada peningkatan rasa tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing, mendorong mereka meluangkan lebih masa berlatih dan mengurangkan kesukaran yang dihadapi (Rashid & Yunus, 2020).

Melalui kajian ini, cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar UMS dalam mempelajari bahasa asing dapat dikenalpasti dengan lebih mendalam. Hasil dapatan ini akan membantu institusi pendidikan merangka strategi serta program pengajaran dan pembelajaran bahasa asing yang lebih berkesan. Secara tidak langsung, ia memperkasa kecekapan pelajar dalam menghadapi keperluan pasaran kerja, seperti dalam sektor perhotelan, homestay, diplomatik, penyelidikan, serta memberikan pendedahan budaya asing dan meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi profesional (Noor & Harun, 2022).

Sorotan Literatur

Pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas berkaitan pembelajaran bahasa asing, namun belum terdapat kajian yang secara khusus meneliti hubungan antara penguasaan bahasa asing dan pembangunan sosio-ekonomi di negeri Sabah. Beberapa kajian terdahulu memfokuskan kepada situasi pembelajaran bahasa Arab, Mandarin dan Perancis bagi tujuan komunikasi antara pelajar. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu meneliti sikap pelajar terhadap pembelajaran ketiga-tiga bahasa ini, namun tidak mengaitkannya secara langsung dengan pembangunan sosio-ekonomi (Che Mat & Soon, 2021). Kajian tersebut menggunakan pendekatan meta-analisis perbandingan bagi mengenal pasti cabaran dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa asing, namun fokus utamanya lebih kepada aspek pedagogi dan motivasi intrinsik berbanding kesan kepada pembangunan ekonomi atau kebolehpasaran graduan.

Bahasa asing merupakan instrumen penting dalam membina hubungan sosial merentas budaya, kaum, dan agama. Ini kerana bahasa berfungsi sebagai medium komunikasi yang efektif dalam memenuhi keperluan manusia serta membentuk jaringan kerjasama dalam masyarakat (Nursholis et al., 2019). Dalam konteks ini, penguasaan bahasa asing bukan sahaja memudahkan komunikasi dengan penutur asli, malah membina jambatan budaya yang dapat mengurangkan salah faham dan meningkatkan toleransi (Stein-Smith, 2017).

Selain komunikasi, penguasaan bahasa asing juga membantu individu memperoleh ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber dan budaya. Menguasai bahasa asing membolehkan seseorang memahami struktur linguistik yang berbeza, memperkaya kosa kata, dan memahirkan tatabahasa, seterusnya meningkatkan keupayaan kognitif serta kemahiran berfikir aras tinggi (Mohammed & Thabit, 2015; Athanasopoulos et al., 2015). Tambahan pula, pembelajaran bahasa asing terbukti meningkatkan fleksibiliti mental dan keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif (Bialystok, 2017).

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Dalam pasaran kerja global yang semakin kompetitif, penguasaan bahasa asing dianggap sebagai satu nilai tambah yang signifikan. Individu yang mahir berbahasa asing berpotensi untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik serta bersaing dengan lebih berkesan dalam pelbagai bidang profesional seperti pelancongan, diplomasi, pendidikan, dan perniagaan antarabangsa (Raewf & Mahmood, 2021; The, 2015). Malah, kajian mendapati bahawa pekerja dwibahasa atau multibahasa mempunyai peluang kenaikan pangkat yang lebih tinggi serta gaji yang lebih lumayan berbanding mereka yang hanya menguasai satu bahasa (Stein-Smith, 2017).

Tambahan pula, pembelajaran bahasa asing juga penting dalam aspek pemeliharaan warisan linguistik, terutamanya bagi bahasa minoriti. Usaha ini membantu mengurangkan risiko kepupusan bahasa dan mengekalkan kepelbagaian budaya dalam masyarakat (Abbott, 2018). Justeru itu, kefahaman terhadap situasi pembelajaran bahasa asing amat penting bagi membantu tenaga pengajar dan pelajar menyesuaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar sejajar dengan keperluan semasa industri dan pasaran kerja (Rashid & Yunus, 2020). Melalui penguasaan bahasa asing yang berkesan, pelajar akan lebih berdaya saing serta mampu menyesuaikan diri dengan permintaan sektor pekerjaan selepas tamat pengajian.

Dalam sorotan kajian lepas, didapati bahawa belum ada kajian terdahulu yang meneliti secara menyeluruh peranan bahasa asing dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi jurang ilmu yang sedia ada dan memberi sumbangan penting kepada pelajar, tenaga pengajar, sektor awam dan swasta, khususnya kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan negeri Sabah secara amnya. Ringkasan sorotan literatur adalah seperti jadual 1 berikut.

Jadual 1: Sorotan Literatur Berkaitan Pembelajaran Bahasa Asing dan Implikasinya

Aspek Kajian	Perincian
Kekosongan Kajian	Tiada kajian khusus yang mengaitkan penguasaan bahasa asing dengan pembangunan sosio-ekonomi di Sabah.
Fokus Kajian Terdahulu	Kajian memfokuskan pembelajaran bahasa Arab, Mandarin dan Perancis dalam kalangan pelajar bagi tujuan komunikasi (Che Mat & Soon, 2021).
Pendekatan Kajian	Meta-analisis perbandingan terhadap cabaran dan motivasi pelajar, dengan fokus kepada pedagogi dan motivasi intrinsik, bukan aspek sosio-ekonomi.
Peranan Bahasa Asing dalam Masyarakat	Medium komunikasi antara budaya, kaum, dan agama (Nursholis et al., 2019) Membina jambatan budaya, mengurangkan salah faham, dan meningkatkan toleransi (Stein-Smith, 2017)
Manfaat Kognitif Penguasaan Bahasa	Perluasan kosa kata dan kemahiran tatabahasa serta peningkatan keupayaan kognitif dan berfikir aras tinggi (Mohammed & Thabit, 2015; Athanasopoulos et al., 2015). Fleksibiliti mental dan kemahiran menyelesaikan masalah (Bialystok, 2017)
Kepentingan dalam Pasaran Kerja	Nilai tambah dalam persaingan kerjaya serta peluang pekerjaan lebih luas dalam sektor seperti pelancongan, diplomasi, pendidikan, perniagaan antarabangsa (Raewf & Mahmood, 2021; The, 2015).

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

	Peluang kenaikan pangkat dan gaji lebih tinggi (Stein-Smith, 2017).
Peranan dalam Pemeliharaan Warisan	Membantu melestarikan bahasa minoriti dan memelihara kepelbagaian budaya (Abbott, 2018).
Impak kepada Pengajaran dan Pembelajaran	Kefahaman terhadap pembelajaran bahasa asing membantu pelarasan pendekatan PdP dengan keperluan industri dan pasaran kerja semasa (Rashid & Yunus, 2020)

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kaedah gabungan (*mixed-methods approach*) iaitu gabungan antara kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Penyelidik akan menjalankan *survey* dalam kaedah kuantitatif manakala temu bual akan diadakan sebagai kaedah kualitatif. Selain itu, responden kajian, dipilih dalam kalangan pelajar di UMS yang sedang atau pernah mengambil kursus bahasa asing di institusi tersebut untuk mewakili persepsi masyarakat tentang bahasa asing. Seterusnya, kutipan data temu bual khususnya dalam sektor sosio-ekonomi telah dijalankan khususnya di negeri Sabah. Penyelidik menemu bual individu secara bersemuka dengan pelancong dari luar negara khususnya mereka yang bekerja dalam bidang perhotelan, restoran dan pemandu teksi/bas.

Kaedah Kajian

Jadual 1 berikut menggambarkan kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini.

Jadual 2: Kaedah Kajian

Kaedah Kajian			Perincian
Kualitatif	Kepustakaan	:	Penyelidik merujuk bahan-bahan seperti buku, artikel jurnal, kamus-kamus bahasa, rujukan internet dan dokumentasi-dokumentasi berkaitan.
	Temu bual	:	Penyelidik telah menemubual 7 orang informan untuk mendapatkan data penyelidikan.
Kuantitatif	Soal selidik	:	Penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah yang mengambil kursus bahasa asing dan tempatan. Seramai 270 orang responden (pelajar) telah dipilih sebagai sampel dalam penyelidikan.

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Populasi sasaran kajian ini adalah melibatkan pelajar yang mengambil kursus bahasa asing di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Pelajar yang telah mengambil kursus bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Kadazandusun, bahasa Mandarin, bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol sebagai kursus bahasa asing telah dipilih sebagai populasi capaian dalam penyelidikan ini. Setiap bahasa asing yang ditawarkan di UMS sekurang-kurangnya memiliki 150 orang pelajar.

Penentuan Saiz Sampel Kajian

Penyelidik telah mengaplikasikan rumus Krejcie dan Morgan (1970) untuk menentukan saiz sampel yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Jadual 2 berikut merupakan rumus Krejcie dan Morgan (1970) yang dijadikan sebagai panduan.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Jadual 3: Rumus Menentukan Saiz Sampel

$$\mathbf{s} = \frac{x^2 NP(1-P)}{d^2(N-1)+(x^2 P(1-P)}$$

S = saiz sampel yang diperlukan
N = saiz populasi yang dikenalpasti
P = perkadaran populasi diandaikan 0.5 kerana magnitud ini akan menghasilkan saiz sampel yang maksimum
d = darjah ketepatan yang maksimum (0.05)
x^2 = nilai khi kuasa dua daripada jadual pada darjah kebebasan 1 iaitu 3.841

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

Jadual 4 di bawah merupakan saiz sampel penyelidikan dengan merujuk dan mengaplikasikan rumus Krejcie dan Morgan (1970) seperti dalam Jadual 3 di atas.

Jadual 4: Saiz Sampel Kajian Dengan Mengaplikasikan Rumus Krejcie Dan Morgan (1970)

$$\mathbf{s} = \frac{x^2 NP(1-P)}{d^2(N-1)+(x^2 P(1-P)}$$

s = saiz sampel yang diperlukan

N = saiz populasi yang dikenalpasti ialah 150 bagi setiap satu bahasa asing yang dikaji. Saiz populasi dalam penyelidikan ini merujuk kepada bilangan keseluruhan pelajar yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Penyelidik telah mengedarkan soal selidik kepada pelajar yang masih dalam pengajian sama ada pelajar berkenaan sedang atau pernah mengambil kursus bahasa asing dan tempatan di UMS. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah memilih lima (6) bahasa asing sebagai subjek penyelidikan iaitu bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Kadazandusun, bahasa Mandarin, bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol. Oleh itu, saiz sampel yang dikenalpasti ialah;
150(6) = 900.

P = perkadaran populasi diandaikan 0.5 kerana magnitud ini akan menghasilkan saiz sampel yang maksimum

d = darjah ketepatan yang maksimum (0.05)

x^2 = nilai khi kuasa dua daripada jadual pada darjah kebebasan 1 iaitu 3.841

$$\mathbf{s} = \frac{3.841(900)(0.5)(1-0.5)}{0.05^2(900-1)+(3.841)(0.5)(1-0.5)}$$

$$\mathbf{s} = \frac{3.841(900)(0.5)(0.5)}{0.05^2(899)+(1.9205)(0.5)}$$

$$\mathbf{s} = \frac{864.225}{2.2475+0.96025}$$

$$\mathbf{s} = \frac{864.225}{3.20775}$$

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

s = 269.4

Saiz sampel yang diperlukan ialah **269.**

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

Berdasarkan saiz sampel dalam Jadual 4 di atas, penyelidik telah memilih 45 orang pelajar bagi setiap satu kursus bahasa asing sebagai sampel penyelidikan. Keputusan ini ditetapkan bagi memastikan setiap kursus bahasa asing tersebut memiliki bilangan responden pelajar yang sama. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan *sampling bias* berlaku dalam penyelidikan. Maka dengan itu, saiz sampel dalam penyelidikan ini ialah 270.

Perbincangan

Keperluan Penyediaan Kemudahan Atau Fasiliti Dalam Meningkatkan Minat Pembelajaran Bahasa Asing

Menurut Buntat dan Yusof (2007), kesediaan kemudahan atau fasiliti dalam pengajaran dan pembelajaran menggalakkan guru-guru atau tenaga pengajar menggunakan pendekatan pembelajaran secara sistematik serta dapat meningkatkan pencapaian prestasi pelajar. Justeru itu, pengukuhan fasiliti atau kemudahan tersebut sebagai alat bantu mengajar membolehkan pelajar mengasah kemahiran berbahasa asing termasuk menguasai tatabahasa, kosa kata dan komunikasi dengan lebih mudah dan berkesan.

Tenaga pengajar harus mengetahui keperluan pelajar khususnya dari segi kelengkapan alat bantu mengajar. Misalnya, penggunaan fasiliti atau kemudahan seperti makmal bahasa, bilik pandang-dengar, bilik rakaman audio, bilik rakaman video, bilik tayangan, bilik audio dan bilik akses kendiri (*self-learning*) sebagai alat bantu mengajar membolehkan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing lebih mudah difahami oleh pelajar. Pengajaran bahasa asing yang dilengkapi dengan fasiliti atau kemudahan seperti makmal bahasa, bilik pandang-dengar, bilik rakaman audio, bilik rakaman video, bilik tayangan, bilik audio dan bilik akses kendiri (*self-learning*) juga berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan praktikal.



Rajah 1: Fasiliti Atau Kemudahan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Asing

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Tenaga pengajar memainkan peranan penting untuk menyediakan kaedah pembelajaran bahasa asing yang berkesan serta dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa asing secara lebih mendalam. Menurut Che Mat dan Soon (2021), pelajar-pelajar juga berpendapat bahawa pensyarah-pensyarah memberi pengaruh yang positif terhadap minat pembelajaran mereka. Oleh itu, adalah penting bagi pensyarah atau tenaga pengajar untuk memahami sikap pelajar terhadap bahasa asing yang dipelajari dan memberikan pendedahan terhadap keperluan pelajar mempelajari kursus bahasa asing. Tujuannya supaya pelajar dapat mengetahui kepentingan mengambil kursus bahasa asing selepas tamat pengajian. Hal ini membolehkan pelajar untuk lebih meminati kursus bahasa asing yang mereka pelajari di universiti. Justeru, langkah ini juga dapat mengikis perspektif pelajar yang mengambil kursus bahasa asing sekadar memenuhi syarat graduasi.

Oleh yang demikian, penyelidik telah mengedarkan soal selidik kepada pelajar yang mengambil kursus bahasa asing di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mengetahui apakah alat bantu mengajar yang memberikan mereka motivasi dan minat mempelajari bahasa asing. Jadual 5 berikut merupakan data yang diperolehi daripada edaran soal selidik terhadap pelajar yang mengambil subjek bahasa asing di UMS berkenaan fasiliti atau kemudahan yang memberikan mereka motivasi dan minat mempelajari bahasa asing.

Jadual 5: Fasiliti/Kemudahan Yang Amat Perlu Digunakan Oleh Tenaga Pengajar Di UMS, PPIB Khasnya Untuk Membantu Pelajar Memperolehi Kemahiran Berbahasa Asing Dan Tempatan

Fasiliti/kemudahan	Kekerapan		Mod
	Pilihan	Bukan Pilihan	
Makmal bahasa	162 (60.0%)	108 (40.0%)	Pilihan
Bilik pandang-dengar	95 (35.2%)	175 (64.8%)	Bukan Pilihan
Bilik rakaman audio	85 (31.5%)	185 (68.5%)	Bukan Pilihan
Bilik rakaman video	104 (38.5%)	166 (61.5%)	Bukan Pilihan
Bilik tayangan	139 (51.5%)	131 (48.5%)	Pilihan
Bilik audio	112 (41.5%)	158 (58.5%)	Bukan Pilihan
Bilik akses kendiri (self-learning)	183 (67.8%)	87 (32.2%)	Pilihan

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Makmal Bahasa

Makmal bahasa merupakan pusat pembelajaran khas untuk mempelajari bahasa. Makmal bahasa berfungsi untuk menyokong pembelajaran sampingan yang dirancang khusus untuk membantu pelajar menguasai keterampilan berbahasa terutama sekali dalam mempelajari bahasa asing (Che Mat & Soon, 2021).

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024



Rajah 2: Manfaat Makmal Bahasa

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Menurut data yang diperolehi daripada soal selidik, seramai 162 orang pelajar iaitu bersamaan 60% daripada bilangan keseluruhan responden penyelidikan memilih makmal bahasa sebagai alat bantu mengajar yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar bahasa asing. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memerlukan makmal bahasa sebagai kemudahan atau fasiliti pengajaran dan pembelajaran yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar khususnya dalam mempelajari bahasa asing. Manakala seramai 108 orang pelajar iaitu 40% daripada bilangan keseluruhan responden tidak memilih makmal bahasa sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar untuk mengajar bahasa asing.

Bilik Pandang-Dengar

Bilik pandang-dengar adalah ruang khas yang disediakan untuk menonton filem, mendengar muzik atau bermain permainan video dengan pengalaman audiovisual yang optimum (Fadillah, 2020). Kemudahan seperti bilik pandang-dengar dapat menyokong pembelajaran berteraskan sumber dan membolehkan pelajar mempunyai akses pembelajaran kendiri.



Rajah 3: Manfaat Bilik Pandang-Dengar

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Kebanyakan pelajar tidak memilih bilik pandang-dengar, bilik rakaman audio, bilik rakaman video dan bilik audio sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing di UMS. Data soal selidik mendapati bahawa seramai 175 orang iaitu 64.8% daripada bilangan pelajar tidak memilih bilik pandang-dengar berbanding hanya 95 orang iaitu 35.2% daripada bilangan pelajar yang memilih bilik pandang dengar sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

melaksanakan pembelajaran bahasa asing. Tiadanya kemudahan atau fasiliti bilik pandang dengar yang disediakan di UMS khusus untuk pembelajaran bahasa asing menyebabkan pelajar tidak pernah mengalami pengalaman menggunakan kemudahan tersebut dalam mempelajari bahasa asing.

Bilik Rakaman Audio

Bilik rakaman audio juga merupakan salah satu alat bantu mengajar yang amat penting untuk digunakan khususnya dalam mempelajari bahasa asing. Menurut Sanjaya (2008), audio adalah bahan yang mengandungi pesan berbentuk audio (pita suara atau piringan suara) yang dapat merangsang pikiran dan perasaan pendengar.

Rajah 4: Manfaat Bilik Rakaman Audio

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Bilik rakaman audio amat penting terutamanya dalam pembelajaran bahasa asing. Antara manfaat penggunaan bilik rakaman audio ialah dapat melatih keterampilan berbicara (*speaking skills*), pengembangan bahan pembelajaran (penyediaan kandungan audio interaktif dan bank suara), penilaian autentik (*authentic assestment*), dan mengurangkan rasa cemas ketika berbicara menggunakan bahasa asing. Berdasarkan data soal selidik, hanya seramai 85 orang atau 31.5% daripada pelajar memilih bilik rakaman audio sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Manakala 185 orang atau 68.5% daripada bilangan pelajar tidak memilih bilik rakaman audio sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Tiadanya kemudahan seperti bilik rakaman audio yang disediakan di UMS menyebabkan pelajar tidak mengetahui fungsi sebenar bilik rakaman audio khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Bilik Rakaman Video

Bilik rakaman video merupakan sebuah ruang khas yang dirancang untuk merakam video pembelajaran bahasa dengan kualiti audio dan visual yang baik. Menurut Sulong et al. (2023), rakaman video ialah media yang dapat dilihat, dapat didengar dan yang dapat dilihat dan didengar. Bilik rakaman video berfungsi sebagai alat instruksi moden dalam pembelajaran bahasa yang seiring dengan perkembangan zaman yakni kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
IJLGC
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024



Rajah 5: Komponen Bilik Rakaman Video

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Di samping itu, kebanyakan pelajar juga tidak memilih bilik rakaman video sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Data soal selidik menunjukkan seramai 166 orang iaitu 61.5% daripada bilangan pelajar tidak memilih bilik rakaman video sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Hanya 104 orang iaitu 38.5% daripada bilangan pelajar yang memilih bilik rakaman video sebagai kemudahan yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Tiadanya kemudahan atau fasiliti bilik rakaman video yang disediakan khas untuk mempelajari bahasa asing di UMS menyebabkan kebanyakan pelajar tidak terdedah dengan manfaat penggunaan kemudahan tersebut. Bilik rakaman video bahasa asing digunakan untuk tujuan pembuatan kandungan pembelajaran atas talian (*e-learning*), rakaman *podcast* atau dialog bahasa, kelas maya atau *online* secara langsung, dan pembuatan bahan mengajar yang interaktif.

Bilik Tayangan

Bilik tayangan merupakan salah satu medium alternatif yang meningkatkan minat belajar dalam kalangan pelajar khususnya dalam mempelajari bahasa asing. Bilik tayangan merujuk kepada ruangan khusus yang dirancang untuk mendukung proses pembelajaran bahasa melalui media audiovisual (Yusri, 2017). Media audiovisual merujuk kepada gabungan audio (bunyi atau suara) dan visual yakni illustrasi seperti gambar, rajah, carta dan lain lain yang disertakan bagi mengukuhkan kandungan, menambahkan daya tarikan dan mutu penyampaian dalam bahan pengajaran (Mohd Yazid et al., 2022).



Rajah 6: Bilik Tayangan Dalam Pembelajaran Bahasa Asing

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Hasil kutipan data soal selidik menunjukkan bahawa seramai 139 orang pelajar iaitu bersamaan dengan 51.5% daripada bilangan keseluruhan responden penyelidikan memilih penggunaan bilik tayangan oleh tenaga pengajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Ini menunjukkan bahawa pelajar amat meminati kaedah pembelajaran bahasa asing dengan menggunakan media audiovisual. Manakala seramai 131 orang pelajar iaitu mewakili 48.5% daripada bilangan responden penyelidikan tidak memilih bilik tayangan sebagai kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar untuk pembelajaran bahasa asing.

Bilik Audio

Kemudahan atau fasiliti bilik audio (*audio booth*) adalah sesuai untuk pembelajaran bahasa khususnya untuk rakaman, latihan mendengar-berbicara (*listening-speaking*) dan memberikan ruang pembelajaran bahasa yang tenang. Menurut Omar (2016), audio merujuk kepada rakaman suara, suara latar, dan muzik.

Rajah 7: Peranan Bilik Audio Dalam Pembelajaran Bahasa

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Berdasarkan data soal selidik, seramai 158 orang iaitu 58.5% daripada bilangan pelajar tidak memilih kemudahan bilik audio untuk digunakan oleh tenaga pengajar dalam pembelajaran bahasa asing. Manakala 112 orang iaitu 41.5% daripada bilangan pelajar memilih bilik audio sebagai satu kemudahan atau fasiliti yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Tiadanya bilik audio disediakan khusus untuk pelajar mempelajari bahasa asing menyebabkan mereka tidak mengetahui manfaat penggunaan bilik audio yang berfungsi sebagai tempat untuk membuat latihan sebutan.

Bilik Akses Kendiri (Self-Learning)

Bilik akses kendiri dalam konteks ini merujuk kepada ruang pembelajaran khas yang berfokus kepada pendidikan. Ia adalah pengorganisasian bahan rujukan dan peralatan pembelajaran yang tersedia dan dapat diakses oleh pelajar (Diaz, 2012). Dengan erti kata lain, bilik akses kendiri adalah ruang pembelajaran secara sendiri oleh pelajar dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Bilik akses kendiri menyediakan kemudahan seperti

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

komputer, internet dan bahan digital untuk membolehkan pelajar belajar secara berdikari mengikut kadar, minat dan gaya pembelajaran masing-masing.



Rajah 8: Struktur Bilik Akses Kendiri Dalam Pembelajaran Bahasa
Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Berdasarkan data yang diperolehi, seramai 183 orang pelajar iaitu mewakili 67.8% daripada bilangan keseluruhan responden penyelidikan memilih bilik akses kendiri sebagai kemudahan atau fasiliti yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Oleh itu, tenaga pengajar bertanggungjawab untuk menyediakan bahan-bahan mengajar bahasa asing yang menarik dan mudah difahami serta mudah diakses oleh pelajar secara atas talian. Berdasarkan data soal selidik, hanya seramai 87 orang pelajar atau 32.2% daripada bilangan keseluruhan responden penyelidikan tidak memilih bilik akses kendiri sebagai kemudahan atau fasiliti yang diperlukan dalam mempelajari bahasa asing.

Dalam dapatan ini, dapat dilihat bahawa mod pilihan atau pilihan majoriti responden terhadap setiap kemudahan atau fasiliti untuk mempelajari bahasa asing menunjukkan pola yang tidak konsisten. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti cabaran signifikan yang mempengaruhi pola pilihan responden iaitu tiadanya kemudahan atau fasiliti khusus untuk mempelajari bahasa asing di UMS. Ini menyebabkan ramai responden khususnya pelajar UMS tidak mengetahui keperluan kemudahan-kemudahan atau fasiliti tersebut untuk mempelajari bahasa asing dengan lebih berkesan.

Kepentingan bahasa asing dalam usaha meningkatkan sosio-ekonomi negeri Sabah
Kepentingan didefinisikan sebagai perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak atau keperluan (Kamus Dewan, 2007). Sosioekonomi pula merujuk kajian tentang hubungan antara faktor sosial dan ekonomi dalam masyarakat (Kamus Dewan, 2007) iaitu kepentingan penguasaan bahasa asing berkaitan rapat dengan kehidupan sosial berserta kegiatan ekonomi mereka. Sesetengah masyarakat tidak mengetahui manfaat atau kepentingan kemahiran berbahasa asing yang berupaya meningkatkan sosio-ekonomi khususnya di negeri Sabah. Oleh itu, kajian ini akan mengungkapkan manfaat-manfaat yang diperolehi oleh kelompok individu mahupun masyarakat apabila menguasai kemahiran berbahasa asing dari aspek status sosial dan ekonomi.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Jadual 6: Kepentingan Bahasa Asing Dalam Mendapat Kerja

Kepentingan	Kekerapan				Mod
	Pilihan		Bukan Pilihan		
Memudahkan saya mendapat kerja	165	(61.1%)	105	(38.9%)	Pilihan
Lebih melayakkan saya bekerja di syarikat multi-nasional	178	(65.9%)	92	(34.1%)	Pilihan
Merupakan sumber manusia yang lebih berdaya saingan	158	(58.5%)	112	(41.5%)	Pilihan

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Berdasarkan data soal selidik dalam Jadual 6 di atas, seramai 165 orang iaitu 61.1% daripada keseluruhan responden kajian memilih bahawa penguasaan bahasa asing penting dalam '*memudahkan saya mendapat kerja.'* Ini menggambarkan bahawa masyarakat menyedari bahawa kemahiran bertutur menggunakan bahasa asing dapat membuka peluang kerja yang lebih luas, menjadi lebih kompetitif di dunia kerja, serta memberikan mereka kelebihan untuk beradaptasi khususnya apabila berkerja di lingkungan yang multi-budaya.



Rajah 8: Penguasaan Bahasa Asing Memudahkan Masyarakat Mendapat Kerja

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Penguasaan bahasa asing memberikan kelebihan yang signifikan kepada pekerja tempatan dalam sektor pekerjaan dan kemajuan kerjaya. Hotel-hotel mewah dan syarikat pelancongan antarabangsa sering mencari pekerja yang memiliki kemahiran pelbagai bahasa untuk memastikan perkhidmatan mereka dapat memenuhi keperluan segmen pelanggan yang berbeza. Sebagai contoh, syarikat penerbangan dan agensi pelancongan kerap menawarkan insentif kepada pekerja yang mahir dalam bahasa asing kerana kemahiran tersebut meningkatkan daya saing perniagaan mereka (Zulkifli et al., 2022). Selain itu, pelaburan asing juga memberikan sumbangan kepada penciptaan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada penduduk tempatan. Pelabur asing sering kali membawa masuk teknologi baharu yang

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

memerlukan tenaga kerja mahir untuk mengendalikannya. Penguasaan bahasa asing membolehkan pekerja tempatan mengakses latihan dan pembangunan kerjaya yang lebih baik. Menurut laporan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) pada tahun 2021, negara atau kawasan yang memiliki penduduk dengan tahap penguasaan bahasa asing yang tinggi lebih berupaya untuk menarik pelabur asing dengan lebih berkesan, seterusnya meningkatkan kadar pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat.

Selain itu, seramai 178 orang iaitu 65.9% daripada keseluruhan responden membuat pilihan menjurus kepada penguasaan bahasa asing akan *lebih melayakkan mereka bekerja di syarikat multi-nasional.* Pilihan majoriti responden dalam bahagian ini, menggambarkan serta menyedarkan masyarakat tentang keperluan penguasaan bahasa asing sebagai alat komunikasi global terutamanya untuk syarikat-syarikat multinasional di pelbagai negara. Penguasaan bahasa asing membolehkan seseorang bekerja dengan lebih efektif dan sebagai ejen kolaborasi dagang bagi syarikat domestik dan antarabangsa.



Rajah 9: Penguasaan Bahasa Asing Untuk Pekerjaan Global
Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Kemahiran dalam bahasa asing, seperti Mandarin, atau Jepun, membuka pelbagai peluang kepada rakyat Sabah untuk mengakses sumber ilmu di peringkat global. Bahasa asing bertindak sebagai jambatan kepada pelbagai bahan akademik, penyelidikan, dan teknologi yang tersedia di internet atau diterbitkan oleh institusi luar negara. Sebagai contoh, laporan UNESCO (2018) menunjukkan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris memberikan akses kepada 80% bahan ilmiah di peringkat antarabangsa. Dengan adanya akses kepada ilmu bahasa asing yang lain secara meluas, rakyat Sabah akan dapat mempertingkatkan keupayaan intelektual mereka, yang seterusnya membolehkan mereka menjadi lebih kompetitif dalam pasaran pekerjaan. Pasaran pekerjaan global kini semakin mengutamakan individu yang menguasai lebih daripada satu bahasa.

Di Sabah, sektor pelancongan dan industri minyak dan gas merupakan dua sektor utama yang memerlukan pekerja dengan kemahiran bahasa asing. Menurut Laporan Statistik Pelancongan Sabah (2021), Sabah menerima lebih daripada dua juta pelancong setiap tahun, dengan

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

majoritinya berasal dari negara seperti China, Korea Selatan, dan Jepun. Oleh itu, individu yang fasih dalam bahasa Mandarin, Korea, atau Jepun berpeluang untuk bekerja dalam sektor pelancongan sebagai pemandu pelancong, pegawai pemasaran, atau jurubahasa. Kajian oleh Kim et al. (2021) juga menunjukkan bahawa pekerja yang menguasai bahasa asing berpeluang untuk memperoleh gaji yang lebih tinggi, iaitu antara 15 hingga 20 peratus lebih banyak berbanding mereka yang tidak menguasainya.

Seterusnya, seramai 158 orang iaitu 58.5% daripada jumlah keseluruhan responden memilih bahawa penguasaan bahasa asing *'merupakan sumber manusia yang lebih berdaya saingan.'* Ini menggambarkan bahawa masyarakat juga mengetahui manfaat fasih bertutur menggunakan bahasa asing memberikan mereka nilai tambah khususnya dalam mendapatkan kerja di syarikat-syarikat antarabangsa ternama yang memberikan tawaran gaji tinggi.



Rajah 10: Penguasaan Bahasa Asing Menghasilkan Sumber Manusia Yang Lebih Berdaya Saingan

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Penguasaan bahasa asing juga menyumbang kepada peningkatan daya saing tenaga kerja tempatan. Dalam era globalisasi, majikan kini lebih cenderung mencari pekerja yang bukan sahaja berkemahiran teknikal, tetapi juga mampu berkomunikasi dengan pelbagai pihak dari pelbagai latar belakang budaya. Tenaga kerja di Sabah yang fasih dalam bahasa antarabangsa memiliki peluang yang lebih besar untuk memperoleh pekerjaan dalam syarikat multinasional atau dalam sektor pelancongan yang memerlukan interaksi langsung dengan pelawat antarabangsa. Keadaan ini bukan sahaja membantu mengurangkan kadar pengangguran, tetapi turut meningkatkan pendapatan isi rumah, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Berdasarkan laporan Bank Dunia (2021), kebolehan untuk menguasai bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan Mandarin dapat meningkatkan akses kepada pasaran global, sekali gus mempertingkatkan daya saing negeri seperti Sabah dalam industri teknologi maklumat. Kajian oleh Deloitte (2021) menunjukkan bahawa negara atau wilayah yang mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam bahasa asing lebih berpotensi menarik pelaburan asing dalam sektor teknologi.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Seterusnya, pengkaji turut mendapatkan data berkenaan keutamaan mempelajari bahasa asing untuk menarik pelancong dan memajukan industri pelancongan khususnya di negeri Sabah. Berikut merupakan data yang telah diperolehi berdasarkan temu bual dengan beberapa informan.

Jadual 7: Data Temu Bual 'Apakah Keutamaan Mempelajari Bahasa Asing Untuk Menarik Pelancong Dan Memajukan Industri Pelancongan Khususnya Di Negeri Sabah?'

Informan		Maklum balas
Informan 1 *(lelaki, Driver Buggy [UMS], 6 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Bila kita dapat kuasai bahasa dorang, senang kita approach dorang… dorang rasa selesa, yakin… jadi dia akan recommend dengan kawan-kawan dia..'
Informan 2 *(wanita, Hotel Receptionist [King Park Hotel, Kota Kinabalu], 5 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Lagi senang untuk berkomunikasi kalau kita tahu bahasa dorang.'
Informan 3 *(lelaki, Concierge Supervisor [Hilton, Kota Kinabalu], 2 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Bercakap bahasa asing satu advantage. Senang berkomunikasi dengan dorang (pelancong asing). Dapat meningkatkan imej hotel dan staf.'
Informan 4 *(lelaki, Concierge [Hyatt Regency, Kota Kinabalu], 15 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Kalau pandai berbahasa itu more advantage (banyak kelebihan).'
Informan 5 *(wanita, Captin [Restoran TenTen, Kota Kinabalu], 19 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Kalau sudah pandai bahasa tu semua (tahu banyak bahasa asing). Ada kelebihan.'
Informan 6 *(wanita, Receptionist [Mandarin Hotel, Kota Kinabalu], 7 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Buat dorang (pelancong luar negara) feel at home… tidak terasing dengan budaya.. bukan sahaja dapat memberikan kelebihan untuk menarik ramai pelancong, dapat juga mengeratkan hubungan di antara negara-negara lain. mempertingkatkan lagi marketing (pasaran) perindustrian pelancongan.'
Informan 7 *(lelaki, pemandu bas [Terminal Bas Bandaraya Utara, Kota Kinabalu], 36 tahun pengalaman bekerja)*	:	'Senang kita cari pelanggan.'

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024

Berdasarkan data temu bual terhadap beberapa informan terpilih seperti dalam Jadual 7 di atas, dapat disimpulkan bahawa kemahiran berbahasa asing memberikan banyak manfaat kepada masyarakat khususnya memudahkan mereka untuk berkomunikasi serta membuatkan mereka lebih senang untuk mencari pelanggan terutamanya dalam kalangan pelancong asing yang datang ke negara Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa asing tidak hanya memberikan kelebihan dari aspek akademik tetapi juga dapat menguntungkan masyarakat dalam aspek sosio-ekonomi mereka.

Penyampaian pelajaran melalui kaedah yang sesuai dan menarik adalah amat penting. Ianya akan membantu penguasaan bahasa asing pelajar tersebut. Keupayaan tenaga pengajar menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan memanfaatkan kemudahan atau fasiliti yang dilengkapi dengan penggunaan teknologi maklumat dapat memantapkan pedagogi, memberikan persekitaran pembelajaran yang kondusif, serta memotivasi dan menambahkan lagi minat pelajar mempelajari bahasa asing.

Pembelajaran bahasa asing adalah penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi Sabah. Dalam era globalisasi, kemahiran berbahasa asing boleh memudahkan pencarian pekerjaan, membuka peluang perniagaan antarabangsa, memahami budaya lain dan membina hubungan antarabangsa. Institusi pengajian tinggi boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran berbahasa asing melalui program-program pengajaran bahasa. Dengan menyediakan pelbagai bahasa asing kepada pelajar, universiti boleh membantu mereka memenuhi keperluan pasaran kerja dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Program-program pengajaran bahasa asing seperti di Universiti Malaysia Sabah memainkan peranan penting dengan mempelajari bahasa baru dan menjadi aset kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Program-program ini memberikan pelajar peroleh kemahiran berbahasa yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja global, dengan mencipta pekerjaan baru. Selain itu, ianya membantu usaha kerajaan negeri untuk menarik perniagaan dan pelabur asing kerana penduduknya ada yang boleh berbahasa asing dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mempromosikan kepelbagaian budaya.

Kajian ini memberikan sumbangan ilmu pengetahuan khususnya untuk mengetahui keperluan fasiliti atau kemudahan yang boleh digunakan pada masa kini untuk mempelajari bahasa asing dan kepentingan pemerolehan kemahiran bahasa asing terhadap kerjaya atau sosio-ekonomi masyarakat. Walaupun begitu, kajian ini masih boleh dikembangkan secara lebih menyeluruh. Oleh itu, untuk kajian yang akan datang pengkaji akan mengetengahkan cabaran-cabaran yang dihadapi tenaga pengajar dan pelajar secara tuntas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing di institusi pengajian tinggi.

Kesimpulan

Penyelidikan ini amat penting terutamanya dalam mengetahui betapa pentingnya menguasai kemahiran berbahasa asing. Dengan mengetahui manfaat yang diperolehi dalam mempelajari bahasa asing khususnya dalam bidang sosioekonomi, masyarakat akan termotivasi dan lebih berminat untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing. Dapatan ini membolehkan pihak pengurusan sesebuah institusi pengajian tinggi mengatasi masalah yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam institusi berkenaan. Penyelidikan ini membolehkan masyarakat mengetahui kepentingan dan kesan positif pemerolehan bahasa asing dalam pembangunan sosio-ekonomi negara khususnya di negeri Sabah. Temu bual terhadap individu yang bekerja dalam sektor sosio-ekonomi seperti sebagai pemandu

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024
pelancong, pekerja hotel dan pekerja restoran dapat memberikan maklumat tentang keperluan dan kepentingan untuk mempelajari bahasa-bahasa asing. Dapatan ini dapat meyakinkan lagi persepi masyarakat terhadap kepentingan mempelajari bahasa asing di institusi pengajian tinggi khususnya dalam mencari peluang pekerjaan. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada kajian berkenaan dengan keperluan penyediaan kemudahan atau fasiliti dalam meningkatkan minat pembelajaran bahasa asing dan kepentingan pemerolehan kemahiran berbahasa asing dalam pembangunan sosio-ekonomi negara khususnya di Sabah. Tuntasnya, kajian ini telah mencapai objektif penyelidikan dan mampu memberi nilai tambah kepada agensi yang terlibat dengan penggunaan bahasa asing sebagai menu utama dalam pemilihan kerjaya.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, UMS atas tajaan dana kepada geran penyelidikan dengan kod DKP0084. Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS atas sokongan yang diberikan dalam merealisasikan kajian ini. Seterusnya, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua peserta yang terlibat atas kesudian menyumbangkan masa, pandangan dan kepakaran dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Abbott, M. (2018). *Why learning a foreign language is more important than ever*. Modern Language Association. https://www.mla.org

Abbott, M. G. (2018). *Beyond a Bridge to Understanding: The Benefits of Second Language Learning.* American Educator.

Athanasopoulos, P., Bylund, E., Montero-Melis, G., Damjanovic, L., Schartner, A., Kibbe, A., & Thierry, G. (2015). Two Languages, Two Minds: Flexible Cognitive Processing Driven by Language of Operation. *Psychological Science, 26*(4), 518-526.

Bank Dunia. (2021). *Global workforce competitiveness report.* Washington, DC: World Bank.

Bialystok, E. (2017). The bilingual adaptation: How minds accommodate experience. *Psychological Bulletin*, 143(3), 233–262.

Buntat, Y., & Yusof, A. (2007). *Pendekatan Pembelajaran Secara Konstruktivisme Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal.* Universiti Teknologi Malaysia. 1-11.

Che Mat, A., & Soon, G. Y. (2021). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education, 2*(2), 9-21.

Che Mat, S. H., & Soon, S. F. (2021). Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing di UiTM Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 11(1), 15–29.

Deloitte. (2021). *Human capital trends 2021: The social enterprise in a world disrupted* [Laporan]. Deloitte Insights.

Diaz, L. E. H. (2012). Self-access language learning: Students' perceptions of and experiences within this new mode of learning. *Profile*, *14*(1), 117.

Fadillah, M. (2020). Upaya Meningkatkan Kemampuan Membaca Siswa Dengan Pemanfaatan Media Audio-Visual Di Kelas Rendah. *Jurnal Penelitian, Pendidikan dan Pengajaran, 1*(1), 1-11.

Jabatan Pelancongan Sabah. (2021). *Laporan statistik pelancongan Sabah 2021.* Kota Kinabalu: Jabatan Pelancongan Sabah.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kim, J., Choi, H., & Lee, S. (2021). Economic benefits of multilingualism: A global perspective. *Journal of Economic Studies, 48*(3), 45-60.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
IJLGC
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024
Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.
Ministry of Higher Education Malaysia. (2021). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
Mohamad, M., & Ismail, H. N. (2019). Penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 9(2), 45–58.
Mohammed, D. M., & Thabit, T. H. (2015). The impact of learning a foreign language on cognitive development. *International Journal of Humanities and Cultural Studies*, 2(4), 78–88.
Mohammed, P., & Thabit, T. (2015). Evaluation the strategies of learning English as second language case study of Cihan university-Erbil. *International Journal of Engineering Research and Management Technology, 2*(4), 19-24.
Mohd Yazid, M. Z., Engkamat, L., Onn, N. T., Ling, YL. (2022). Penggunaan Alat Bantu Audio-Visual Dalam Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Pelajar Menghasilkan Produk Umai. *Journal of Social Sciences and Technical Education, 3*(1), 52-67.
Noor, M. N. M., & Harun, R. N. S. R. (2022). Kepentingan penguasaan bahasa asing dalam kalangan graduan untuk keperluan industri. *Jurnal Bahasa dan Komunikasi*, 12(1), 34–47.
Nursholis, A., Rudisunhaji, M. A., & Hidayatullah, S. I. (2019). Tantangan Bahasa Arab sebagai Alat Komunikasi di Era Revolusi Industri 4.0 pada Pascasarjana IAIN Tulungagung. *Jurnal Bahasa Arab*, 283-298.
Nursholis, M., Hasan, M., & Fatimah, S. (2019). Language as a medium of communication in a multicultural society. *International Journal of Language Education*, 3(1), 112–119.
OECD. (2021). *Skills for a digital world: Policies for lifelong learning.* Paris: OECD Publishing.
Omar, A. (2016). Integrasi Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Mempertingkatkan Keyakinan Dan Keberhasilan Guru Semasa Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 9,* 13-25.
Raewf, H. M., & Mahmood, Y. N. (2021). The impact of foreign language skills on employability: A case study in Kurdistan Region. *International Journal of English Linguistics*, 11(4), 123–131. https://doi.org/10.5539/ijel.v11n4p123
Rashid, R. A., & Yunus, M. M. (2020). Challenges in learning foreign languages in Malaysian higher education institutions. *Asian Journal of University Education*, 16(3), 84–96.
Sanjaya, W. (2008). *Perencanaan dan Desain Sistem Pembelajaran.* PT. Fajar Interpratama. 247-248.
Stein-Smith, K. (2017). Foreign Language: A World of Possibilities. *International Journal of Language and Linguistic, 4*(4), 1-10.
Sulong, M. B. H., Wan Mohamad, W. M., & M. Nasir, M. K. (2023). Kaedah Pengajaran Guru Bahasa Melayu Secara dalam Talian dan Inisiatif untuk Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Penggunaan *Google Classroom. International Journal of the Malay World and Civilization, 11*(3), 63-77.
The, C. C. (2015). Language skills and employment: The influence of foreign language proficiency on career opportunities. *Journal of Language and Society*, 13(2), 67–75.
The, H. S. (2015). Bab 1: Pengenalan.
UNESCO. (2022). *Global report on cultural and creative industries.* Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
Yusri, G., Mohd Rahimi, N., & M. Shah, P. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies, 10*(3). 15-33.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
IJLGC
Volume 10 Issue 41 (September 2025) PP. 364-384
DOI 10.35631/IJLGC.1041024
Yusri, N. I. (2017). Pelaksanaan Literasi Visual Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Implementing Visual Literacy in Teaching and Learning. *PENDETA*, *8*, 66-71.

Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam, 12*(1), 47-57.

Zulkifli, Z., Hashim, I. H. M., & Yahaya, M. (2022). Teachers Wellbeing in Malaysia: A Review. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 11(1), 703–712.